

Tel: 088-283283
Fax: 088-239046
E-mail: doasabah@sabah.gov.my
Laman Web: www.sabah.gov.my/tani



SABAH, MALAYSIA



Jabatan Pertanian Sabah
Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah
Aras 1, 5, 6 & 7, Wisma Pertanian Sabah
Jalan Tasik, Luyang
Off Jalan Maktab Gaya
Beg Berkunci No. 2050
88632 KOTA KINABALU

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JPTN(IP):100-4/14/Klt.3/(9)

Tarikh: 03 Oktober 2011

Semua Pegawai Penguasa/Pegawai Pertanian Daerah

**ARAHAN JABATAN (KEWANGAN) BIL. 6/2011
PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)
DAN PENGGUNAAN BORANG JBN45 (PIN. 1/2011)**

Perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan dan pembaharuan kelulusan pembayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) untuk anggota Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) dan Pembantu Tadbir (Kewangan) telah dibuka semula. Sehubungan dengan ini semua kakitangan yang layak dibayar BITK ini dikehendaki untuk mengisi dan mengemukakan borang permohonan dengan menggunakan borang baru JBN45 (Pin. 1/2011) seperti yang dilampirkan.

3. Sila maklum bahawa Pembantu Tadbir (Kewangan) yang telah mendapat kelulusan untuk pembayaran BITK secara berterusan tidak perlu memohon pembaharuan. Hanya mereka yang diberikan kelulusan bertempoh sahaja yang perlu memohon semula.

4. Sila ambil perhatian bahawa perakuan Ketua Jabatan di Bahagian C hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pejabat di Seksyen/Pusat/Daerah tempat kakitangan bertugas dan dikemukakan ke Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sabah untuk tindakan selanjutnya.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai perkara ini sila berhubung dengan Akauntan W41 (088-283278) dan Penolong Akauntan W27 [Pengurusan Gaji] (088-283286) untuk keterangan lanjut.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'
'BERJIMAT DAN MENABUNG AMALAN MULIA'
'PERTANIAN ADALAH SATU PERNIAGAAN'**


(DATUK M.C. ISMAIL SALAM)
PENGARAH PERTANIAN

RM/NAvg
3009/1503